

**Suruhanjaya Tenaga**

(*Energy Commission*)

No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

**KENYATAAN MEDIA**

12 Julai 2019

## **ST Rampas Kelengkapan Elektrik Tiada Kelulusan di Kota Damansara**

**Putrajaya, 12 Julai –** Suruhanjaya Tenaga (ST) telah merampas 1,564 unit kelengkapan elektrik pelbagai jenama yang tidak selamat seperti *extension socket outlet, handphone charger, USB port charger, travel adapter* dan lain-lain dalam tiga (3) serbuan berasingan di kedai aksesori telefon sekitar Kota Damansara, Selangor dengan nilai pasaran yang dianggarkan berjumlah melebihi RM30,000.

Kelengkapan elektrik tersebut dirampas kerana didapati tidak mempunyai Perakuan Kelulusan (*Certificate of Approval-CoA*) dari ST dan tidak dilabel dengan label keselamatan SIRIM-ST.

Kes ini disiasat di bawah Peraturan 97, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 yang menyatakan kelengkapan elektrik yang dikawal hendaklah mempunyai Perakuan Kelulusan sebelum ia boleh dikilang, diimport, dipamer, dijual atau diiklankan, dan Peraturan 98 kerana menjual kelengkapan elektrik yang tidak dilabel. Sekiranya didapati bersalah, syarikat terbabit berdepan dengan hukuman denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya.

Pengarah Penguatkuasaan dan Operasi Kawasan ST, Mohd Elmi Anas ingin mengingatkan penjual supaya memastikan kelengkapan elektrik yang diperolehi dari pengimpor/pengedar dan dijual di premis jualan masing-masing telah mendapat Perakuan Kelulusan ST dan dilabel dengan label yang ditetapkan oleh ST seperti label keselamatan SIRIM-ST dan juga label kecekapan tenaga bagi lima kelengkapan elektrik seperti TV, Peti Sejuk, Kipas domestik, Penghawa Dingin dan Mesin Basuh.

Operasi rampasan ini dilaksanakan oleh Unit Perancangan dan Penyelarasian Penguatkuasaan ST dengan bantuan pegawai dari Ibu Pejabat Putrajaya, Pejabat Kawasan Selangor/Wilayah

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Persekutuan dan turut disertai pegawai SIRIM. Ia dijalankan berikutan aduan pengguna dan hasil intipan yang dijalankan sejak beberapa minggu di kedai-kedai di kawasan terbabit.

ST akan meningkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras penjualan kelengkapan elektrik yang tidak selamat di negara ini bagi memastikan pengguna dilindungi dari bahaya yang berpunca dari tenaga elektrik.

Pengguna pula dinasihatkan supaya hanya membeli kelengkapan elektrik yang diluluskan dan dilabel seperti yang ditetapkan oleh ST. Kelengkapan elektrik tersebut telah disahkan memenuhi standard dan telah diuji oleh makmal ujian yang diiktiraf.

Pengguna boleh melapor dan membuat aduan sekiranya mendapati terdapat penjualan kelengkapan elektrik yang tidak selamat ini kepada ST melalui sistem atas talian e-aduan <http://aduan.st.gov.my>.

\*\*\*Tamat\*\*\*

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Siti Suhaila Ahmad/Zairulliaty Mali*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03 8870 8500/03 8870 8554/03 8870 8598/013 2183778 (Zairulliaty)*

*Faks: +603 8888 8636*

*Emel: [sitisuhaila@st.gov.my](mailto:sitisuhaila@st.gov.my) / [zairulliaty@st.gov.my](mailto:zairulliaty@st.gov.my)*

---

#### MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.